

15 OCT 1996

Abdullah-Tanah

PEMBANGUNAN TANAH RIZAB MELAYU UNTUK ELAK DARIPADA TERBIAR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Kerajaan ingin membangunkan kawasan Tanah Rizab Melayu yang berpotensi baik untuk dimajukan bagi mengelakkannya daripada terus terbiar, kata Naib Presiden Umno Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya tidak nampak apa wajarnya sebarang tentangan dilahirkan sekiranya kita hendak buat sesuatu perkara yang baik," kata Abdullah yang juga Menteri Luar kepada pemberita hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang telah melahirkan rasa kurang senang dengan pandangan Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno Sabtu lepas.

Pengarah Program Pembangunan Masyarakat Abim, Mohd Azmi Abdul Hamid berkata adalah tidak tepat bagi Dr Mahathir menyamakan Tanah Rizab Melayu dengan Tanah Simpanan Red Indian di Amerika Syarikat.

Abdullah berkata apa sebenarnya yang dimaksudkan Dr Mahathir ialah perlunya kawasan Tanah Rizab Melayu yang tinggi nilai ekonominya itu dibangunkan dengan apa cara pun.

Beliau menerangkan bahawa sememangnya ada peruntukan dalam Kanun Tanah Negara yang membolehkan satu kawasan lain diwujudkan bagi menggantikan kawasan Rizab Melayu sekiranya kawasan berkenaan diambil untuk tujuan-tujuan tertentu.

Abdullah berkata beliau kecewa dengan sikap sesetengah pihak yang menentang tujuan baik kerajaan itu semata-mata kerana tidak memahami kedudukan sebenarnya.

"Setiap rakyat mempunyai tempat di negara ini selaras dengan kemajuan yang diperluaskan untuk kebaikan rakyat pelbagai kaum di seluruh pelusuk negara," katanya.

Dalam hubungan ini kerajaan tidak pernah mendakwa apa yang dilakukannya mencapai matlamat kemajuannya seratus peratus tetapi yang perlu dilihat hari ini ialah kerajaan dalam usahanya membangunkan negara telah membuktikan bahawa terdapat kemajuan peringkat demi peringkat. -- BERNAMA

ZAB NMO